

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN DALAM KERANGKA AYAT BAHASA MELAYU

SATO, Hirobumi @ Rahmat

manis2bongok@gmail.com

Universiti Nasional MIE, Jepun (Profesor Pelawat)

Abstrak

Istilah kata kerja kopula (KKj kopula) yang dipinjam daripada tatabahasa bahasa Latin melalui bahasa Belanda dan bahasa Inggeris telah diaplikasikan oleh sesetengah pengkaji sebagai fungsi kata *adalah* dan *ialah* dalam bahasa Melayu. Ada antara mereka yang berusaha mencari KKj kopula dalam bahasa Melayu, sama ada dalam bentuk mandiri ataupun tersembunyi dalam kata yang bukan kata kerja. Kesemua kajian tersebut melihat ayat bahasa Melayu dalam kerangka [FN subjek + KKj predikat]. Sesetengah pengkaji yang lain menganggap kata *adalah* dan *ialah* sebagai “kata pemerl” atau “partikel pemerl” sahaja yang berfungsi untuk memerikan hubungan antara subjek dengan predikat. Tujuan penulisan makalah ini adalah untuk meneliti apakah sebenarnya sifat kedua-dua kata berkenaan. Fungsi “pembenar” dalam kata *adalah* dan fungsi “penghubung adverbaan” dalam kata *ialah* diperhatikan dalam ayat penyata pembenaran. Fungsi KKj kopula dalam bahasa Eropah juga dibandingkan dengan kedua-dua kata berkenaan, dan akhir sekali kegunaan kata *adalah* dan *ialah* dinilai dalam kerangka ayat bahasa Melayu. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa kedua-dua kata tersebut tidak berfungsi sebagai KKj kopula tetapi menanggung fungsi “pemastian” atau “pemerincian” predikasi sahaja, iaitu fungsi “pemerian” secara menyeluruh.

Kata kunci: fleksi, kata kerja kopula, kata kerja leksikal, kata pembenaran, kata pemerl, keserasian nahuan, partikel pemerl, penanda ayat tanya

Abstract

The term copula verb was derived from Latin grammar via Dutch and English and has been applied by some scholars as adalah and ialah in Malay. Among these scholars, some have attempted to identify copula verbs in Malay – either in overt or covert form, i.e. in a grammatically independent form or in a form hidden in non-verbal words. These studies have taken the view that sentences in Malay conform to the framework of [subject NP + predicate verb]. Other scholars have treated the words adalah and ialah as “descriptives” or “descriptive particles” to describe the relationship between subject and predicate. This paper aims to examine what the distinctive characteristics and qualities of the two words are. In order to do so, attention is given to the functions of the “affirmatives” of adalah and the “adverbial conjunction” of ialah in affirmative sentences. The function of copula verbs in European languages will also be compared with these two words, and the effectiveness of the use of adalah and ialah within the framework of Malay sentences will be evaluated. The article concludes that the words adalah and ialah are not copula verbs. Instead, they assume the function of “assertion” or “analyticity” of a predication, i.e. the function of “description” as a whole. Hence, the term “descriptives” is found to be more appropriate for this particular word class.

Keywords: inflection, copula verb, lexical verbs, positives, descriptives, grammatical agreement, descriptive particles, interrogative sentence marker

PENDAHULUAN

Nama dan jumlah golongan kata yang digunakan dalam tatabahasa bahasa Melayu berbeza-beza antara tatabahasawan. Hal ini telah lama menjadi persoalan pedagogi dalam arena pendidikan, iaitu kata bahasa Melayu tanpa asas pembezaan kriteria untuk penggolongan. Sehubungan dengan ini juga, kamus bahasa Melayu yang tidak bertanda golongan kata pada kata lema dan kata terbitan menjadi sasaran kritikan sesetengah pengkaji dan pengguna bahasa Melayu. Hal ini sebenarnya bukanlah tema tatabahasa yang terkini dalam kajian bahasa Melayu, tetapi hampir 200 tahun telah dibincangkan oleh pengkaji bahasa Melayu dari dalam dan luar

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

rantau Melayu. Perbincangan ini termasuklah penilaian terhadap informasi morfologi oleh tanda golongan kata dan pengaruhnya terhadap sistem struktur ayat.

Dalam pada itu, menerusi sejarah kajian bahasa di Eropah yang mewarisi tradisi pendidikan bahasa Latin selama hampir 2000 tahun, golongan kata bahasa Eropah moden dibezakan berdasarkan kriteria bahasa Latin yang diubah suai sedikit sebanyak, sesuai dengan sifat bahasa masing-masing. Kriteria tersebut ialah bentuk morfologi kata, fungsi kata dalam susunan sintaksis, dan makna leksikal atau nahuan. Hal ini demikian kerana, secara kasar, kata merupakan gabungan bentuk dengan makna serta menjalankan fungsinya dalam struktur ayat yang nyata. Perkara ini telah ditegaskan dan diterangkan dengan panjang lebar pada suatu ketika dahulu, oleh T. Roorda, seorang pengkaji bahasa Jawa dari negara Belanda, dalam karyanya yang bertajuk *Over de Deelen der Rede en de Rede-Ontleding, of Logische Analyse der Taal, tot Grondslag voor Wetenschappelijk Taalstudie* (1855).

Walau bagaimanapun, kriteria bentuk morfologi kata itu sukar diaplakisikan terhadap bahasa Melayu yang tidak bersifat fleksi secara nahuan. Oleh sebab itu, para pengkaji awal dari negara Belanda yang meneroka bidang tatabahasa bagi bahasa rumpun Melayu dari abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20 telah menggunakan dua kriteria sahaja, iaitu fungsi kata dalam susunan sintaksis dan makna leksikal.

Persoalan golongan kata sebenarnya bukanlah terpencil dalam bidang kajian morfologi dan pembentukan kata sahaja, tetapi perlu dikaji dari segi sistem struktur nahuan dalam kerangka ayat bahasa Melayu. Makalah ini bertujuan meneliti semula golongan kata *adalah* dan *ialah* serta fungsinya dalam kerangka ayat bahasa Melayu yang mempunyai sistem nahuan yang berbeza dengan bahasa Eropah.

MASALAH KAJIAN

Analisis struktur ayat bermula daripada penggabungan kata yang membentuk ayat menjadi beberapa ikatan makna yang dinamakan “frasa” pada tahap pertama. Tiap-tiap frasa yang saling bergantungan dalam ayat itu dikaitkan menjadi dua bahagian yang lebih besar, masing-masing dinamakan “subjek” dan “predikat” dari segi sintaksis. Namun, dalam banyak hal, penanda penghubung antara dua satuan sintaksis itu tidak jelas dalam ayat bahasa Melayu. Maka, timbul pertanyaan apakah sebenarnya kaedah yang menghubungkan subjek dengan predikat atau memisahkan

subjek daripada predikat dalam ayat bahasa Melayu dari segi tatabahasa.¹ Hakikatnya, hubungan antara tiap-tiap ikatan makna atau frasa dalam ayat itu dipertimbangkan menurut urutan sintaksisnya secara logik.

Walau bagaimanapun, apa yang dinamakan logik itu sebenarnya tidak mendahului pengalaman pengguna bahasa, sebaliknya pengalamanlah yang mendahului logik. Oleh sebab itu, pemerhatian terhadap sesuatu fenomena tatabahasa, sedar atau tidak, dipengaruhi oleh pengalaman berbahasa yang dimiliki seseorang atau sesuatu masyarakat bahasa tertentu. Dengan perkataan lain, tatabahasa juga merupakan satu cerminan pengalaman bagi pengguna bahasa dan belum tentu ada satu logik yang bersifat sejagat.

Berbalik kepada soalan yang dikemukakan di atas, Hollander anak murid T. Roorda, dalam karyanya (1882:47-52) telah menyatakan satu pandangan yang agak ganjil. Beliau berpendapat bahawa dalam bahasa Melayu tidak wujud kopula yang sepadan dengan KKj kopula bahasa Eropah; tetapi kata namaan dan kata preposisi dalam bahasa Melayu dapat bertukar menjadi kata kerja apabila kata golongan itu berfungsi sebagai inti predikat. Beliau menerangkan hal ini dalam bentuk terjemahan, dengan menggunakan kata kerja kopula (KKj kopula) bahasa Belanda, iaitu bentuk infinitif *zijn* (bentuk finit: *ben, bent/zijt, is, zijn; was, wart, waren*).² Begitu juga kata kerja intransitif *worden* (= BM *menjadi*; BI *get*) diberi fungsi kata kerja kopula. Contohnya, *sakit* (*ziek*; *ziek zijn, zieke worden; ziekte*) (= *sick, be sick, fall sick, sickness*), *aku* (*ik; ik zijn, ik ben het; ik eigen mij toe; ik erken, ik belijd*) (= *I, I am, I am the one, it's me*), *dari batu* (*van steen; van steen zijn*) (= *made of stone, be made of stone*), *di dalam* (*in, binnen; ergens in zijn, binnen zijn*) (= *in, inside, be in some place, be inside*).³

Hollander sebenarnya mencari KKj kopula yang dianggapnya tersembunyi untuk menghubungkan subjek dengan predikat dalam ayat bahasa Melayu, dari sudut bahasa Eropah, khususnya bahasa Belanda yang wujud dalam kerangka ayat [Subjek + KKj Predikat]. Pandangan yang serupa dikemukakan oleh Mashudi (1981):

“... sesetengah ayat tidak mempunyai kata kerja tetapi mungkin mempunyai kata nama atau adjektif sebagai predikat ... Adjektif diandaikan sebagai unsur karyaan dan didefinisikan mengikut ciri sintaksis [+ N, + K]. Ini

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

disebabkan adjektif dan kata kerja wujud secara menyaling."

(Ramli, 1995:22)

Jika ayat bahasa Melayu dikaji dengan menggunakan kerangka bahasa Eropah, tentulah akan dipersoalkan apakah bentuk KKj kopula itu, iaitu sama ada KKj kopula itu wujud sebagai satuan sintaksis yang mandiri atau memang sudah terserap ke dalam kata yang berfungsi sebagai inti predikat? Selanjutnya, persoalan apakah sebenarnya sifat KKj kopula dalam hubungan sintaksis [subjek + predikat]?

Antara kajian yang menggunakan kaedah Transformasi-Generatif (TG) yang mencari sifat kesejagatan bahasa bermodelkan bahasa Inggeris moden pula, Darwis (1989:64-67) misalnya, memperlakukan kata *adalah* dan *ialah* sebagai KKj kopula yang berfungsi dalam Frasa Kerja Predikat pada peringkat Struktur Batin atau Struktur Dalaman. Maksudnya, beliau beranggapan bahawa kata kerja (KKj) *adalah* dan *ialah* merupakan satuan tatabahasa yang asas yang dapat digugurkan secara opsyenal melalui Transformasi Pengguguran (TP), sehingga Frasa Kerja Predikat ($[L_{pred} [FKJ [KJ \text{ } adalah/ialah] [FN \text{ } X]]]$) dapat bertukar menjadi Frasa Nama Predikat ($[L_{pred} [FN [KN \text{ } X]]]$). Akan tetapi, beliau tidak menyentuh persoalan mengapakah kata kerja itu bukan *dapat* tetapi *perlu* digugurkan pada peringkat Struktur Luaran.

Dalam pada itu, Nik Safiah (1995) membataskan kata *adalah* dan *ialah* sebagai kata pemerlai yang memerikan hubungan antara subjek dengan predikat sahaja, dan membezakannya daripada KKj *be* dalam bahasa Inggeris dari segi fungsinya. Menurutnya:

Since many sentences in Malay do not require verbs, many users of the Malay language mistakenly use ialah and adalah as a translation of the English verb whereas the presence of a verb is not essential in a Malay sentence. [...] it is important to realise that ialah and adalah are NOT the equivalent of the verb "to be". ... Remember that in Malay not ALL sentences require verbs in their predicates. Other parts of speech such as the noun, the adjective and the preposition can function as the main item in the predicate. This is a very important difference between English and Malay.

(1995:210-11).

Seperti yang dijelaskan dalam teks di atas, pandangan mengenai wujud tidaknya KKj kopula dalam ayat bahasa Melayu itu berbeza-beza antara seorang pengkaji dengan pengkaji yang lain. Dalam hal ini, perlu diingatkan bahawa istilah “KKj kopula” diserapkan ke dalam kajian bahasa Melayu daripada bahasa Latin, melalui bahasa Eropah moden, khususnya bahasa Belanda dan bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, kita juga perlu memahami apakah sebenarnya fungsi KKj kopula dalam bahasa Eropah itu.

Dalam makalah ini, erti KKj *ada* yang merupakan unsur dasar kata *adalah* dikupas dari sudut fungsi sintaksis pada tahap pertama; pada tahap kedua, fungsi kata *adalah* dan *ialah*, yang dinamakan sesetengah tatabahasan KKj kopula, dilihat secara ringkas; pada tahap ketiga, fungsi, makna, serta keperluan KKj kopula dibincangkan dalam wadah tatabahasa bahasa Eropah; dan akhir sekali kegunaan kata *adalah* dan *ialah* dinilai semula dalam kerangka ayat bahasa Melayu.

KATA KERJA “KEWUJUDAN” ADA

Dalam bahagian ini akan dibincangkan penggunaan kata *ada* yang merupakan unsur dasar kata *adalah* dalam bahasa Melayu, untuk memperjelas perbezaan fungsinya dengan kata kerja bahasa Eropah, khususnya KKj *be* dalam bahasa Inggeris.

Kata kerja predikat, pada dasarnya, berfungsi sebagai satu daripada unsur wajib utama (*major obligatory constituents*) yang tidak dapat diitiadakan dalam konstruksi ayat bahasa Eropah. Golongan kata ini diberikan istilah yang berbeza-beza dalam bahasa tempatan masing-masing, berdasarkan nama *verba* (< *verbum*) yang membawa makna “menceritakan”, “menyatakan” dalam bahasa Latin: misalnya, *verb* dalam bahasa Inggeris, *werkwoord* dalam bahasa Belanda, dan *Zeitwort* dalam bahasa Jerman. Istilah *verb* tidak jelas maknanya jika berdasarkan bentuk luarannya sahaja tetapi istilah *werkwoord* (< *werk* [kerja] + *woord* [kata]) terarah dengan jelas kepada isi makna leksikal daripada kata-kata yang menyatakan suatu kerja, perbuatan atau tindakan. Istilah inilah yang diterjemahkan sebagai “kata kerja” dalam kajian bahasa Melayu pada awal abad ke-20. Antara ketiga-tiga istilah tersebut, istilah *Zeitwort* yang membawa makna “kata waktu” secara harfiah itu paling menarik perhatian dari segi tatabahasa kerana istilah ini mendukung makna kala nahuan (*tense*) yang dinyatakan dalam bentuk konjugasi bagi kebanyakan bahasa

Eropah moden. Oleh yang demikian, istilah kata kerja leksikal yang diberikan oleh Asmah (1982:81) kepada kata kerja bahasa Melayu patut diberi penilaian tinggi kerana kata kerja bahasa ini tidak berfleksi dengan tepat konjugasi nahuannya, dari segi diri nahan, genus, bilangan dan kala dalam modus nahan yang tertentu.

Kata kerja dalam bahasa Eropah dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu (a) KKj kopula; (b) KKj umum intransitif atau transitif yang berfungsi sebagai KKj utama; dan (c) KKj bantu. Ketiga-tiga jenis kata kerja tersebut, pada dasarnya, berkonjugasi nahanan secara morfologi. KKj *be* (Inggeris), *zijn* (Belanda) dan *sein* (Jerman), misalnya, mendukung tiga fungsi tersebut secara berasingan (lihat topik Makna Nahuan Konjugasi “KKj Kopula” hlm. 179 dan Makna Nahuan Konjugasi “KKj Umum” dalam Bahasa Eropah hlm. 182), dan perbezaan fungsi ini perlu difahami dengan betul dalam kajian tatabahasa. Contohnya:

1. (a) There *is* a house on the hill. (*is* < KKj umum intransitif *be*)
 (b) The house *is* on the hill. (*is* < KKj umum intransitif *be*)
2. These islands *were* beautiful some years ago.
 (*were* < KKj kopula *be*)
3. The students *are* running in the field. (*are* < KKj bantu *be*)

Dalam ayat 1(a) dan 1(b), bentuk finit *is* yang membawa makna leksikal “kewujudan” berfungsi sebagai KKj umum intransitif yang juga mendukung makna nahuan secara serentak. Fungsi ini tidak boleh disamakan dengan fungsi KKj kopula yang hanya mendukung makna nahuan sahaja dalam bentuk finit *were* [ayat (2)]. Dalam hal ini, perlu ditegaskan bahawa bentuk finit *were* [ayat (2)] tidak membawa makna “kewujudan”. Bentuk finit *are* dalam ayat (3) pula berfungsi sebagai KKj bantu aspek progresif terhadap KKj utama *running* (< *run*) yang berbentuk partisipel kala kini (*present participle*).

Ramli (1995:23) mengaplikasikan fungsi KKj *be* kepada KKj *ada* dalam bahasa Melayu: “... kata kerja itu mesti wujud pada kedudukan awal ayat dalam soalan ya-tidak. ... Kata kopula *ada* bersifat lebih kepada kata kerja daripada kata kerja bantu ... boleh diandaikan bahawa *ada* merupakan kata kerja biasa yang sama dengan kata kerja Inggeris *be*”. Walau bagaimanapun, daripada pernyataan ini tidak jelas sama ada beliau membezakan tiga jenis fungsi KKj *be* dengan tepat bersama-sama istilah kata kopula, kata kerja biasa (umum) dan kata kerja bantu.

Apabila kata *ada* dalam bahasa Melayu dibandingkan dengan KKj *be* dalam bahasa Inggeris, memang terdapat pertindihan antara dua kata ini. Misalnya, penggunaan KKj intransitif *ada* dapat disamakan dengan KKj umum intransitif *be* [ayat 1(a) dan 1(b)] dalam erti kata bahawa keduanya membawa makna leksikal “kewujudan”: (a) *Ada sebuah rumah di atas bukit*; (b) *Rumah itu ada di atas bukit*. Akan tetapi, KKj *ada* tidak dapat dipadankan dengan KKj kopula *be* dalam ayat (2). Oleh sebab itu, ayat (*)*Kepulauan ini ada indah beberapa tahun yang lalu* tidak gramatis. Di samping itu, terdapat penggunaan kata *ada* yang memperlihatkan fungsi “kata pemberar” sebagai kata lawan terhadap kata *tiada* yang berfungsi sebagai “kata nafi”. Kedua-dua kata ini bertindak seolah-olah sebagai KKj bantu dari segi sintaksis (lihat topik Takrif Fungsi Kata *adalah* dan *ialah*).

Walau bagaimanapun, KKj “kewujudan” *ada* itu telah disalahertikan sebagai membawa makna “milik”, seperti KKj transitif *mempunyai* atau *memiliki*, sejak berabad yang lalu. Wijk (1893:51) mentafsirkan kata *ada* sebagai KKj milik *bezitten* atau *hebben* dalam bahasa Belanda, manakala pengkaji zaman sekarang seperti Mashudi (1981:53) pula menyamakannya dengan KKj milik *have* dalam bahasa Inggeris. Kesalahfahaman yang seperti ini disebabkan kata namaan dalam bahasa Melayu tidak diberi penanda kasus nahan secara morfologi, kecuali bentuk klitik pada kata ganti nama diri, sehingga FN subjek sukar dibezakan daripada FN objek dari segi sintaksis. Misalnya:

4. (a) Keris Taming Sari *ada* pada Hang Tuah.
(b) Hang Tuah *ada* keris Taming Sari.

KKj *ada* dalam ayat 4(a) dan 4(b) dibezakan fungsinya oleh sesetengah pengkaji dari segi struktur ayat masing-masing. Maksudnya, KKj *ada* dalam ayat 4(a) diertikan sebagai KKj intransitif “kewujudan”, manakala KKj *ada* dalam ayat 4(b) pula diertikan sebagai KKj transitif “milik”. Pertama, FN *keris Taming Sari* dalam ayat 4(a) diertikan sebagai subjek terhadap KKj intransitif “kewujudan” *ada*, manakala Fprep *pada Hang Tuah* diertikan sebagai tempat wujudnya subjek itu. Kedua, FN *Hang Tuah* dan FN *keris Taming Sari* dalam ayat 4(b) masing-masingnya diertikan sebagai subjek “pemilik benda” dan objek “benda yang dimilikinya” terhadap KKj *ada* dalam kerangka ayat [Subjek + KKj + Objek]. Namun demikian, ayat 4(b) tidak dapat ditukarkan kepada struktur seperti (*)*Hang Tuah adanya* (bentuk klitik *-nya* = FN *keris Taming Sari*). Maksudnya, FN *keris Taming Sari* tidak menanggung kasus objektif dari segi sintaksis.


KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

Oleh yang demikian, fungsi KKj *ada* dalam ayat 4(b) sebaiknya diertikan sebagai KKj intransitif “kewujudan” juga dalam kerangka ayat bahasa Melayu, seperti yang dapat dilihat dalam struktur ayat 5 yang berikut:

5. Manusia itu *ada* yang suka membanggakan diri, dan *ada* juga yang selalu merendahkan diri.

Sebelum analisis ayat ini dimulakan, perlu ditegaskan bahawa makna ayat 5 ini tidak sepatautnya disamakan dengan makna ayat *Ada manusia yang suka membanggakan diri* ... walau apa pun manipulasi transformasi dikenakan. Dari segi makna ayat, FN *manusia itu* dalam ayat 5 ternyata sekali-kali tidak dapat diertikan sebagai subjek terhadap KKj intransitif *ada* yang membawa makna “kewujudan”. Dalam struktur ayat ini, FN *manusia itu* mewujudkan Tema ayat dalam kerangka ayat [Tema (*theme*) + Rema (*rHEME*)] dari segi susunan logik. Sebenarnya, FN subjek ialah FN formal *yang suka membanggakan diri* dan *yang selalu merendahkan diri* mewujudkan Cerita bersama-sama KKj intransitif. “Kewujudan” *ada* berfungsi sebagai inti predikat digambarkan seperti yang berikut:

- (5)(a) [manusia itu] / [[ada] [yang suka membanggakan diri]]



Ayat 4(b) juga dapat diterangkan dengan cara yang sama dengan 5(a). Struktur ayat bahasa Melayu yang tidak memperlihatkan kasus nahuan pada FN, secara morfologi, dapat diperjelas dengan berpusatkan inti predikat dalam hubungan [Tema + Rema].


Kedua-dua struktur ayat 4(b) dan ayat 5 tadi sebenarnya tidak berbeza dengan struktur ayat 6 yang berikut:

6. Engkau ini *banyak* juga kesusahan yang mesti kautanggung.

FN *kesusahan yang mesti kautanggung* dalam ayat 6 berfungsi sebagai subjek terhadap FA *banyak* yang juga berfungsi sebagai inti predikat. Maksudnya, FN *engkau ini* berfungsi sebagai pewujudan Tema ayat, manakala FN subjek *kesusahan yang mesti kautanggung* dan FA predikat

banyak bersama kata supraayat *juga* mewujudkan Rema dari segi susunan logik, seperti yang berikut:

- 6.(a) [engkau ini] / [[banyak] [juga] [kesusahan yang mesti kautanggung]]



TAKRIFAN FUNGSI KATA *ADALAH* DAN *IALAH*

Kehadiran kata *adalah* dan *ialah* di antara subjek dengan predikat sangat terbatas kekerapannya.⁴ Pada hakikatnya, informasi subjek dan predikat memang dapat dihubungkan dalam satu ikatan ayat secara logik tanpa kata *adalah* dan *ialah* dalam struktur ayat bahasa Melayu. Fakta ini dengan sendirinya mengatakan bahawa kehadiran kedua-dua kata ini dalam ayat mempunyai maksud yang tertentu. Misalnya:

7. Jam tiga. ... “Mandi, Mas Nganten.” Ia selalu bangun pada waktu jago-jago *pada* berkeruyuk, kemudian berdiri di belakang rumah. Dari situ setiap orang dapat melepas pandang ke laut lepas. Maka daripada kandungan malampun berkelap-kelap lampu perahu-perahu yang menuju ke tengah. (a) *Salah sebuah dari lampu-lampu itu adalah kepunyaan ayahnya.* Tapi mandi? Mandi sepagi ini?

(*Gadis Pantai*, hlm. 17)

7. (a) *Salah sebuah dari lampu-lampu itu adalah kepunyaan ayahnya.* (Inggeris: *One of the many lamps belonged to her father*)
(Jerman: *Irgendeine dieser Leuchten gehörte zum Boot ihres Vaters*)
(Belanda: *Een van die lichtjes was de lamp van haar vader*)⁵

Dalam ayat bahasa Melayu 7(a), hubungan antara FN subjek *salah sebuah dari lampu-lampu itu* dengan FN predikat *kepunyaan ayahnya* dapat diertikan sebagai hubungan keanggotaan rujukan antara dua frasa nama ini. Hubungan informasi ini, pada hakikatnya, dapat dinyatakan tanpa kata *adalah* kerana kata ini tidak membawa makna leksikal “kewujudan” atau makna nahan seperti kata *pada* yang berfungsi sebagai penanda nahanan “jamak” bagi FN subjek *jago-jago* dalam ayat *pada waktu jago-jago*

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

pada berkeruyuk (petikan 7). Kata *adalah* dalam ayat ini ditambah secara pilihan sahaja dengan maksud untuk menegaskan bahawa isi predikasinya “sungguh betul dan pasti” dalam ayat penyata, iaitu fungsi pemastian (*assertion*). Andai kata *adalah* berfungsi sebagai KKj umum atau KKj kopula, apakah kata nafi yang patut dipilih untuk menafikan ayat predikat namaan? Kata nafi *tidak* atau *bukan*?

Dalam pada itu, bahasa Eropah yang wujud dalam kerangka ayat [Subjek + KKj Predikat] wajib menggunakan sesuatu KKj umum atau KKj kopula untuk menghubungkan subjek dengan predikat, dengan tujuan dan makna nahuan yang tertentu (lihat bahagian topik Tinjauan terhadap Fungsi Nahuan “KKj Kopula” hlm. 175-76). Oleh sebab itu, ayat bahasa Inggeris dan bahasa Jerman masing-masing menggunakan KKj umum *belonged* (< *belong*) dan *gehörte* (< *gehören*) yang diterjemahkan sebagai kata nama *kepunyaan*. Ayat bahasa Belanda pula menggunakan KKj kopula *was* (< *zijn*). Ketiga-tiga kata kerja dalam terjemahan tersebut menyatakan informasi nahuan yang sangat penting. Maksudnya, predikasi dalam ayat 7(a) diertikan dalam bentuk kala lampau (*past tense*) dari segi nahuan. Padahal, kata *adalah* tidak mempunyai fungsi sebagai penanda kala nahuan. Terjemahan tersebut dihasilkan berdasarkan konteks wacana (7) sahaja.

Fungsi “pemastian” yang dilihat dalam kata *adalah* tadi berkongsi satu makna yang dasar dengan kata *ada* dan *tiada* dari segi nahuan. Misalnya:

8. “Ndoro, tadi ada telefon. ...” Sukartono terkejut. ... “Kau yang menerima?” “Bukan ndoro, ndoro puteri yang menerima. Saya di belakang,” katanya pula ... “Barangkali telefon dari kawannya,” kata Sukartono sama sendirinya, seolah-olah hendak menyenangkan hatinya.
(a) “Bukan,” kata Karno dengan sungguh-sungguh. “Ada saya lihat ndoro puteri menulis dalam notes.” Sukartono melompat berdiri. “Di mana kau simpan?” “Ndoro puteri yang menyimpan.”

(*Belenggu*, hlm. 4)

8. (a) “Bukan,” kata Karno dengan sungguh-sungguh.
“Ada saya lihat ndoro puteri menulis dalam notes.”

Kata *ada* dalam ayat 8(a) berfungsi bukan sebagai KKj kewujudan tetapi sebagai kata pbenar untuk membenarkan sesuatu predikasi dalam ayat penyata secara pasti, iaitu pemastian pbenaran. Dalam hal ini, kata pbenar *ada* dapat digantikan dengan kata adverba *betul* atau *sungguh*,

seperti menyambung informasi yang dinyatakan dalam ayat “*Bukan,*” *kata Karno dengan sungguh-sungguh.*

9. “Apalah perlunya engkau mati. Perbuatan dahulu tiada akan dapat dimatikan. Hidup atau mati sama saja.” (a) “*Tono tiidakah tahu tentang engkau dan aku dahulu?*” Tini tertawa-tawa; (b) “*Tentang aku ada kuceritakan ...* (c) *tapi nama orangnya tiada kusebut,* dia sudah mati kataku.” “*Dia hendak juga mengambil engkau?*”

9. (a) *Tono tiidakah tahu tentang engkau dan aku dahulu?*
(b) *Tentang aku ada kuceritakan ...*
(c) *tapi nama orangnya tiada kusebut.*

Kata *ada* dalam ayat 9(b) berfungsi sebagai kata pbenar untuk membenarkan isi predikasi dalam ayat penyata secara pasti, iaitu pemastian pbenaran. Sebaliknya, kata *tiada* (<*tidak* + *ada*) dalam ayat 9(c) berfungsi sebagai kata nafi gabungan untuk menafikan isi predikasi dalam ayat penyata secara pasti, iaitu pemastian penafian. Oleh sebab itu, kata nafi gabungan *tiada* ini juga dapat digantikan dengan ungkapan *tidak ada(-lah)* dalam bahasa lisan. Daripada maklumat ini, tidak sukar untuk mengandaikan bahawa kata pbenaran *ada* dan kata nafi gabungan *tiada* masing-masingnya mempunyai bentuk *adalah* dan *tiadalah* untuk dibezakan daripada KKj kewujudan dan menegaskan semula maksud “pemastian” bersama-sama imbuhan penegas *-lah*.

Berhubung dengan fungsi kata pbenar *ada* yang digunakan dengan maksud “pemastian”, Mees mengatakan:

Terwujudnya suatu peristiwa ialah akibat *terjadinya* suatu hal, *berlakunya* suatu hal, yang membuat peristiwa itu menjadi sebuah *kesungguhan*. Dengan jalan demikian *ada* itu juga mengandung arti: *sudah terjadi, telah berlaku sungguh2*. Maka dengan arti itu “*ada*” boleh dikatakan memangku jabatan kata kerja bantu yang mengiakan dengan tegas atau sebagai kenyataan yang sungguh2 terjadi

(1969:136).

Seperti yang dikatakan oleh Mees, kata *ada* seolah-olah berfungsi sebagai KKj bantu dari segi sintaksis. Walau bagaimanapun, istilah “KKj Bantu” itu tidak sesuai digunakan bagi ayat namaan seperti ayat

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

7(a) yang terdiri daripada struktur [FN subjek + FN predikat] kerana tidak terdapat KKj utama dalam struktur ini. Istilah kata predikat bantu (*hulppredicaatswoord*) dapat dicadangkan sebagai istilah tatabahasa.

Selanjutnya, contoh 10(a) yang berikut memperlihatkan fungsi asas kata *ialah* dalam ayat majmuk setara yang dihubungkan tanpa kata penghubung setara, iaitu asindeton.

10. Yu, waktu sekarang dua buah jalan yang dapat ditempuh oleh anak gadis bangsa kita. (a) *Dahulu cuma sebuah saja, ialah jalan kahwin.* Dan barang siapa menyimpang dari jalanraya itu --- yang sebenarnya sempit --- diejekkan orang, orang berbisik-bisik kalau dia lalu: “Tidak laku.”

(*Belenggu*, hlm. 63)

- 10 (a) Dahulu cuma sebuah saja, *ialah* jalan kahwin
(Inggeris: ... whereas there used to be only one, **that being**
marriage)
(Jerman: *Friüher gab es nur einen, nämlich die Heirat*)⁶

Berbeza dengan kata *adalah* yang digunakan dalam ayat bahasa Melayu 7(a), kata *ialah* (< *ia* + *-lah*) dalam ayat 10(a) berfungsi untuk memparafraskan informasi dalam klausa *dahulu cuma sebuah saja* ke dalam bentuk sulih *ia* dan mengantar perincianya dalam bentuk FN *jalan kahwin*. Maksudnya, kata *ialah* mempunyai fungsi yang sama dengan kata adverba *iaitu* atau *yakni* yang memperincikan sesuatu informasi dalam bentuk frasa nama atau klausa. Fungsi pemerincian (*analyticity*) pada kata *ialah* yang demikian diertikan dengan kata penghubung adverbaan *that being* atau *nämlich* dalam terjemahan masing-masing.

Dalam bahagian ini, contoh yang menjelaskan perbezaan fungsi antara kata *adalah* dengan *ialah* telah diperkenalkan secara ringkas melalui analisis ayat 7(a), 8(a), 9(b), 9(c) dan 10(a).⁷ Dilihat dari segi retorik bahasa, tiap-tiap fungsi “pemastian” dan “pemerincian” itu merupakan sebahagian daripada fungsi “pemerian”. Kata *adalah* dan *ialah* diistilahkan sebagai partikel pemeri (Asmah, 1982:190-93) atau kata pemeri (Nik Safiah, 1995:210) dan dibezakan daripada KKj kopula.

TINJAUAN TERHADAP FUNGSI NAHUAN “KKJ KOPULA”

Pembedaan golongan kata merupakan perkara yang mustahak dalam tatabahasa bahasa Eropah kerana informasi golongan kata dapat memberikan kunci untuk mengetahui butir peraturan fleksi kata dari segi

morfologi, iaitu deklensi bagi kata namaan dan konjugasi bagi kata kerjaan. Oleh sebab itu, dalam bahasa Eropah yang mewarisi tradisi pendidikan bahasa Latin, semua kata dapat dibahagikan kepada dua golongan yang besar, iaitu (a) golongan kata yang berfleksi; dan (b) golongan kata partikel yang tidak berfleksi.

Persoalan Struktur Ayat Bahasa Melayu

Kata dalam bahasa Melayu tidak memperlihatkan sebarang fleksi nahuhan. Oleh hal yang demikian, jika menurut kriteria tatabahasa bahasa Eropah, semua kata bahasa Melayu sepatutnya digolongkan dalam golongan kata partikel yang tidak berfleksi. Namun, istilah partikel yang digunakan dalam tatabahasa moden bahasa Melayu tidak difahami dalam erti kata yang sedemikian. Istilah ini diertikan sebagai unsur kecil yang tidak dapat berdiri sendiri dan tidak membawa makna leksikal.⁸

Sejak awal lagi pengkaji bahasa Melayu dari negara Belanda menekankan ketiadaan fleksi kata dalam bahasa Melayu, seperti yang dinyatakan dalam karya Hollander (1882), Wijk (1893), Spat (1900), dan Ophuijsen (1915). Oleh sebab itu, kesemua pengkaji tersebut memanfaatkan makna kata untuk memastikan tiap-tiap fungsi kata yang bertindak dalam ayat. Misalnya:

Kita terbiasa menggolongkan kata kepada pelbagai golongan kata berdasarkan bentuk nahuhan dan makna. Sesetengah golongan kata berubah bentuk, tetapi sesetengah golongan kata yang lain tidak berubah bentuk. Kata yang berubah bentuk mengalami deklensi atau konjugasi. Kedua-dua perubahan bentuk kata itu tidak dapat dilihat dalam bahasa Melayu, malahan kata akar juga tidak menunjukkan golongan kata pada bentuk nahuhan. Golongan kata hanya dapat diketahui daripada fungsi yang dijalankan oleh kata dalam ayat. Kata yang sama bentuknya dapat bertindak sebagai kata nama, kata adjektif, kata kerja, kata penghubung, kata preposisi atau kata adverba.

(Wijk, 1893:48)⁹

Golongan kata bahasa Melayu tidak dapat dibezakan berdasarkan bentuk nahuhan. Bahasa ini tidak mempunyai deklensi dan konjugasi. Apabila kita memperkatakan golongan kata dalam bahasa Melayu, kita mesti melepaskan

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

diri daripada bentuk nahuan kata dan memikirkan makna kata sahaja secara eksklusif. Makna kata dalam hubungan ayat menunjukkan apakah fungsi yang dijalankan oleh kata itu dalam ayat. Jika kita selanjutnya memperkatakan nama kata nama, kata kerja dan sebagainya, dengan nama itu dimaksudkan kata-kata yang menjalankan fungsi kata nama, kata kerja atau yang lain-lain; sekali-kali bukan kata-kata yang sentiasa bertindak sebagai kata nama atau kata kerja. Sebahagian besar kata bahasa Melayu, tanpa menunjukkan perbezaan pada bentuknya, dapat digolongkan kepada satu golongan dalam satu hal, dan digolongkan kepada golongan kata lain dalam hal yang lain pula, menurut hubungan ayat.

(Spat, 1900:56)¹⁰

Berhubung dengan kedudukan KKj predikat dalam struktur ayat bahasa Melayu, Wijk (1893) dan Ophuijsen (1915) tidak membenarkan kewujudan KKj kopula dalam bahasa Melayu.

Kata kerja tidak memperlihatkan sebarang bentuk konjugasi dalam bahasa Melayu ... Untuk membolehkan suatu kata yang bukan kata kerja bertindak sebagai predikat, bahasa Belanda memerlukan kata kopula *zijn* (= *be*) pada asasnya; tetapi hal ini tidak berlaku dalam bahasa Melayu; tiap-tiap kata bahasa Melayu dapat berfungsi sebagai predikat tanpa menggunakan kata yang sepadan dengan kata kopula bahasa Belanda *zijn* (= *be*) untuk menghubungkan predikat dengan subjek; misalnya, *rumahnya kecil* (*zijn huis is klein*) (= *his house is small*); *kampung itu tempat saya* (*die kampong is mijn woonplaats*) (= *that kampong is my birth place*)

(Wijk, 1893:49-50)¹¹

Sebaliknya, sebagaimana pandangan Hollander (1882:47-52), Spat (1900) juga membenarkan kata yang bukan kata kerja bertindak sebagai kata kerja dalam bahasa Melayu. Menurutnya:

Jika kita bertolak daripada andaian bahawa kata yang dihubungkan dengan kata nama untuk membentuk suatu ayat mestilah kata kerja; dengan perkataan lain, baik ayat minimal mahupun ayat penuh mesti terdiri daripada sekurang-

kurangnya satu kata nama dan satu kata kerja, akan dapat disimpulkan bahawa tiap-tiap kata namaan --- kata nama, kata adjektif atau kata ganti nama --- mestilah bertindak sebagai kata kerja dalam bahasa Melayu juga. Namun, bahasa ini tidak mengenal kata kopula --- sungguhpun kata ini tidak membawa makna leksikal dalam ayat --- yang menghubungkan subjek dengan bahagian yang dinamakan kata namaan dalam predikat. Misalnya, jika kata *ini* dikuti oleh kata *pintu*, sebuah ayat *ini pintu* (*dit is een deur*) (= *this is a door*) dapat dihasilkan. Kata *pintu* dalam ayat ini bertindak sebagai kata kerja. Dalam bahasa Belanda, kata kerja *pintu* ini dapat diterjemahkan sebagai *deur zijn* (= *be door*). Pernyataan ini adakahanya dapat diungkapkan semula seperti: tiap-tiap kata bahasa Melayu yang menunjukkan orang atau benda dapat membawa makna *die persoon of zaak zijn* (= *be the person or thing*)

(Spat, 1900:57)¹²

Pandangan yang serupa dikemukakan oleh Mashudi (1981):
... sesetengah ayat tidak mempunyai kata kerja tetapi mungkin mempunyai kata nama atau adjektif sebagai predikat ... Adjektif diandaikan sebagai unsur karyaan dan didefinisikan mengikut ciri sintaksis [+ N, + K]. Ini disebabkan adjektif dan kata kerja wujud secara menyaling.

(Ramli, 1995:22)

Ophuijsen (1915) berbeza pendapat dengan Hollander (1882:47-52) dan Spat (1900:57) tadi. Menurutnya: “Bagi orang Belanda, suatu ayat mesti mempunyai kata kerja walaupun bentuknya kata kopula, tetapi peraturan ini tidak berlaku dalam bahasa Melayu, begitu juga dengan bahasa Semi” (1915:111-12).¹³ Beliau seterusnya menambah kritikannya terhadap dua orang pengkaji tersebut seperti yang berikut:

Ayat *ini ringgit* diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda dengan cara: *dit is een rijksdaalder* (= *this is a ringgit*). Kata yang sepadan dengan kata *is* dalam bahasa Belanda tidak dijumpai dalam bahasa Melayu. Kita sering menjumpai contoh ayat yang tidak menggunakan kata kopula dalam bahasa Latin, Sanskrit dan sebagainya. Cuba ingatkan

ungkapan bahasa Latin yang terkenal secara umum *vita brevis, ars longa* yang dapat diterjemahkan secara harfiah ke dalam bahasa Belanda *leven kort, kunst lang* (= *life short, knowledge long*). Hal yang seperti ini memang peraturan bahasa Melayu. Walaupun tiada kata kopula dalam bahasa Melayu, hal ini tidak membenarkan kesimpulan bahawa kata nama *ringgit* juga dapat bertindak sebagai kata kerja. Dalam bahasa Latin, di samping susunan kata *hic (dit = this) equus (paard = horse)* membawa makna *dit paard* (= *this horse*), (kata *hic* berfungsi sebagai penerang atributif terhadap kata *equus*), susunan kata yang sama itu dapat menjadi ayat *dit (is) (een) paard* (= *this (is) (a) horse*), (kata *hic* berfungsi secara mandiri). Tidak akan ada orang yang berani mengatakan bahawa kata terakhir *equus* menjadi kata kerja dalam ayat *hic equus*. Hal yang sama dapat dikatakan terhadap kata *kuda* dalam ayat *ini kuda*, [*ini = hic (= this)* dan *kuda = equus (= horse)*]. Dalam hal ini juga, bahasa Melayu tidak mempunyai sesuatu peraturan yang khas yang membenarkannya sama sekali menyimpang daripada semua bahasa yang lain

(1915:125-26)¹⁴

Dengan memperkenalkan contoh bahasa Latin, Ophuijsen memberikan tamparan yang hebat terhadap andaian bahawa semua bahasa natural mesti mempunyai satu peraturan yang tetap dan sejagat yang tidak boleh dilanggar. Maksudnya, tiap-tiap bahasa mempunyai persamaan dan perbezaan secara kebetulan sahaja. Beliau juga menafikan kewujudan KKj kopula dalam bahasa Melayu sama ada dalam bentuk mandiri ataupun dalam bentuk yang tersembunyi.

Makna Nahuan Konjugasi “KKj Kopula” dalam Bahasa Eropah

Kebanyakan pengkaji Eropah terdahulu sependapat dalam hal tidak ada KKj kopula yang mandiri dalam bahasa Melayu. Akan tetapi, Hollander (1882:47-52) dan Spat (1900:57) beranggapan bahawa kata yang bukan kata kerja juga dapat berfungsi sebagai kata kerja pada kedudukan inti predikat. Hal ini dibantah oleh Wijk (1893:49-50) dan Ophuijsen (1915:125-26). Dalam subbahagian ini fungsi KKj kopula dalam bahasa Eropah diteliti.

9. “Tak perlulah kalau kau tak suka. … Di mana banyak terdapat kotoran, orang-orang di situ kena murka Tuhan, rezeki mereka tidak lancar, mereka miskin.”

“Sahaya Bendoro.” “(a) *Kebersihan, Mas Nganten, adalah bagian penting dari iman.* Itu namanya kebersihan batin. Ngerti, Mas Nganten?” “Sahaya Bendoro.”

(*Gadis Pantai*, hlm. 22-23)

11. (a) Kebersihan, Mas Nganten, *adalah* bagian penting dari iman.
(Inggeris: *Cleanliness, Mas Nganten, is an important part of faith.*)
(Jerman: *Reinheit, Mas Nganten, ist ein wesentlicher Bestandteil unseres Glaubens.*)
(Belanda: *Reinheid, Mas Nganten, is iets heel belangrijks in ons geloof*)¹⁵

Dalam ayat bahasa Melayu 11(a), FN subjek *kebersihan* dan FN predikat *bagian penting dari iman* diletakkan dalam hubungan kesamaan rujukan. Kata *adalah* dalam ayat ini dapat digugurkan tanpa menjelaskan makna ayat, kecuali menimbulkan nuansa ayat, kerana kata *adalah* tidak membawa sebarang makna leksikal dalam bahasa Melayu.

Apabila ayat namaan 11(b) yang disusun dalam struktur [FN subjek + FN predikat] diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bahasa Jerman dan bahasa Belanda, KKj kopula mesti digunakan untuk menghubungkan FN subjek dengan FN predikat secara nahuan, iaitu KKj kopula *is* (< *be*), *ist* (< *sein*), dan *is* (< *zijn*). Timbul pertanyaan, apakah sebenarnya fungsi KKj kopula dalam tiga bahasa Eropah tersebut?

KKj kopula dalam ketiga-tiga bahasa Eropah tersebut memang tidak membawa apa-apa makna leksikal, dan hal ini tidak dapat dinafikan. KKj kopula dalam bahasa Eropah perlu digunakan hanya untuk menjaga keserasian nahuan (*grammatical agreement*) dalam bentuk konjugasi finit, dari segi diri nahuan, genus, bilangan dan kala dalam modus nahuan yang tertentu, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Konjugasi KKj kopula (dalam modus direktif).

Bahasa	Inggeris	Belanda	Jerman
Bentuk Infinitif	Be	zijn	sein
Bilangan Tunggal	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau
Diri ke 1	am /was	ben / was	bin / war
Diri ke 2	are / were	bent (is) was (waart)	bist / warst
Diri ke 3	is / was	is / was	ist / war
Bilangan Jamak	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau
Diri ke 1	are / were	zijn / waren	sind / waren
Diri ke 2	are / were	zijn (bent) / was (waren)	seid / wart
Diri ke 3	are / were	zijn / waren	sind / waren

Yang berikut ialah contoh ayat yang memperlihatkan konjugasi KKj kopula dalam bahasa Jerman. Terjemahan bahasa Inggeris diberi untuk perbandingan.

Bentuk kala kini dalam modus direktif:

1. *Nein, ich **bin** nicht wie du.* (= No, I am not like you)
2. *Du **bist** Wissenschaftler.* (= You are a scientist)
3. *Wo **ist** der Notizblock?* (= Where is the blocknote?)
4. *Wir **sind** doch deine Kameraden.* (= However we are your comrades)
5. *Warum **seid** ihr nicht realistisch?* (= Why are you not realistic?)
6. *Kaum haben wir uns getroffen, **sind** die Herzen einig.*
(= We have hardly met before, but our heart strings are now entwined)

Bentuk kala lampau dalam modus direktif:

7. *Du weißt nicht, wer ich **bin**, wer ich **war**.*
(= You do not know who I am, who I was)
8. *Eigentlich glaube ich nicht, daß du ein Straßenmädchen **warst**.*

- (= *I really do not believe that you were a streetgirl*)
9. *Oft war er sogar völlig schuldlos.*
(= *Sometimes he was actually not wrong at all*)
10. *Früher, als wir noch in Berlin waren, ...*
(= *Formerly when we were still in Berlin*)
11. *Als ich am Bahnhof ankam, wart ihr schon abgefahren.*¹⁶
(= *As I arrived at the railway station, you had already departed*)
12. *Die anderen schwiegen, fühlten, daß sie zu weit gegangen waren.*¹⁷
(= *The others were silent, sensed that they had gone this far*)

Seperti ditunjukkan dalam contoh (1) hingga (12) secara ringkas, konjugasi KKj kopula memperlihatkan keserasian nahanan dengan FN subjek dari segi diri nahanan, bilangan dan kala dalam modus yang tertentu. Maksudnya, konjugasi morfologis daripada KKj kopula berkenaan dengan memadatkan segala informasi nahanan tersebut ke dalam tiap-tiap bentuk finit, iaitu “bentuk finit KKj kopula” = “informasi konjugasi [diri nahanan + bilangan nahanan + kala nahanan] dalam suatu lingkungan modus yang tertentu”. KKj kopula yang demikian sekali-kali tidak membawa makna leksikal, kecuali fungsinya bertukar menjadi KKj umum yang membawa makna leksikal “kewujudan” atau KKj bantu.

Jika mengikut kriteria nahanan bahasa Eropah, didapati kata *adalah* dan *ialah* yang tidak berkonjugasi itu tidak ada alasan nahanan untuk dikaitkan dengan KKj kopula yang memperlihatkan keserasian nahanan dengan FN subjek.

Makna Nahanan Konjugasi “KKj Umum” dalam Bahasa Eropah

KKj umum dalam bahasa Eropah memperlihatkan konjugasi morfologi dari segi diri nahanan, genus, bilangan dan kala dalam modus nahanan yang tertentu. Namun, bahasa Inggeris telah kehilangan banyak fleksi nahanan pada abad ke-16, dan bahasa Belanda juga mengalami fenomena nahanan yang serupa sebelum abad ke-19. Kehilangan fleksi nahanan dalam bahasa Belanda semakin menuju ke arah sifat bahasa Inggeris pada abad ke-19 dan ke-20.¹⁸ Sebaliknya, bahasa Jerman masih mempertahankan banyak fleksi hingga ke hari ini. Yang berikut ialah senarai penanda nahanan bagi KKj umum (golongan konjugasi teratur) yang digunakan dalam modus direktif.

Jadual 2 Konjugasi teratur KKj umum (dalam modus direktif).

Bahasa	Inggeris	Belanda	Jerman
Bentuk Infinitif	-	-en	-en
Bilangan Tunggal	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau
Diri ke 1	- / ed	- / -te (-de)	-e / -te
Diri ke 2	- / ed	-t / -te (-de)	-st / -test
Diri ke 3	-(e)s / -ed	-t / -te (-de)	-t / -te
Bilangan Jamak	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau	Kala Kini / Kala Lampau
Diri ke 1	- / -ed	-en / -ten (-den)	-en / -ten
Diri ke 2	- / -ed	-en (-t) / -ten (-den)	-t / -tet
Diri ke 3	- / -ed	-en / -ten (-den)	-en / -ten

Yang berikut contoh ayat yang memperlihatkan konjugasi KKj umum (golongan konjugasi teratur) dalam bahasa Jerman. Terjemahan bahasa Inggeris diberi untuk perbandingan.

Bentuk kala kini dalam modus direktif:

13. *Ich schreibe Ihnen ein Rezept auf.* (= I will write a prescription for you)
14. *Die Stimmen in deinem Herzen hörst du nicht.*
 (= You don't hear the voices in your heart.)
15. *Wie steht es mit dem Stuhlgang?* (= How is the bowel movement?)
16. *Wissen wir denn nicht alle beide Bescheid?*
 (= Don't we know all two information then?)

Bentuk kala lampau dalam modus direktif:

17. ..., weil ich ihren Worten **glaubte**?
 (= because I believed their words?)
18. *Warum wolltest du mich so rufen?*
 (= Why did you want to call me so?)¹⁹
19. *Seine Hand tastete weiter den Magen der Patientin ab.*
 (= His hand felt the stomach of the patient again.)
20. *Sie wollten die Gleichberechtigung mit den Männern.*
 (= They wanted the equality of right with men.)

Daripada Jadual 2, KKj umum dalam tiga bahasa berkenaan menunjukkan struktur nahuhan [stem kerja + penanda kala nahuhan + penanda diri nahuhan + penanda bilangan nahuhan] dalam bentuk finit. Dalam struktur ini, stem kerja membawa makna leksikal, manakala ketiga-tiga penanda penghujung itu memperlihatkan keserasian nahuhan dengan FN subjek. Didapati gabungan ketiga-tiga penanda nahuhan itu mempunyai nilai nahuhan yang sama dengan KKj kopula yang tidak membawa sebarang makna leksikal. Dalam hal ini, perlu diingat bahawa penanda nahuhan berkenaan makin lama makin lenyap dalam sejarah perkembangan bahasa masing-masing.

Daripada ciri-ciri konjugasi KKj umum dalam bahasa Eropah, ternyata penanda penghujung yang semata-mata membawa makna nahuhan itu tidak diperlukan bagi bahasa Melayu kerana kata kerja leksikal (istilah Asmah, 1982:81) dalam bahasa ini tidak memperlihatkan keserasian nahuhan dengan FN subjek. Hal ini juga bermakna bahawa KKj kopula yang mengandungi informasi keserasian nahuhan sahaja, dengan sendirinya, tidak diperlukan dalam kerangka ayat bahasa Melayu. Hal ini tidak disedari dalam karya Hollander (1882:47-52), Spat (1900:57), Mashudi (1981) dan Ramli (1995). Jika mengikut kriteria nahuhan bahasa Eropah ini, kata *adalah* dan *ialah* tidak dapat disamakan dengan KKj kopula.

KATA PEMERI *ADALAH* DAN *IALAH*

Seperti yang dijelaskan di atas, ciri-ciri konjugasi nahuhan yang terdapat dalam KKj kopula dalam bahasa Eropah tidak terdapat dalam kata *adalah* dan *ialah* dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, Asmah (1982:190-93) dan Nik Safiah (1995:210) menggunakan istilah partikel pemerian atau kata pemeris bagi penamaan kata *adalah* dan *ialah*, dengan memperhatikan fungsi kedua-dua kata itu untuk memerikan informasi yang terkandung dalam subjek ayat. Namun, sesetengah pengkaji mentafsirkan KKj kewujudan *ada* atau *adalah* sebagai KKj kopula, seperti KKj kopula *be* dalam bahasa Inggeris (sila rujuk topik Kata Kerja “Kewujudan” Ada).

Ayat Songsang dan Frasa Nama Formal Yang

Ayat namaan bahasa Melayu dapat disusun bukan sahaja dalam urutan frasa [FN subjek + FN predikat] yang dianggap sebagai pola dasar secara teoretis, tetapi juga dalam urutan frasa [FN predikat + FN subjek] yang dinamakan pola songsang, mengikut keperluan informasi dalam wacana.

Misalnya:

12. Jangan pandang dari luar saja, dik Ti; pandanglah lebih dalam. Ingatkah lagi gambar di kamar kita dahulu di Bandung? Lorong kecil, sepi lagi gelap? (a) *Cuma sebuah rumah saja yang terang lampunya*. Ingat lagi dik Ti? Seperti gambar itulah di dalam hatiku kini. Tetapi senang juga kalau dibandingkan dengan nasib orang yang kurang beruntung.

(*Belenggu*, hlm. 62)

12. (a) Cuma sebuah rumah saja yang terang lampunya.

Ayat 12(a) disusun dalam urutan frasa [FN predikat + FN subjek], iaitu ayat songsang. FN formal *yang terang lampunya* dapat disusun semula bersama kata nama *rumah* sebagai anteseden terhadap klausa relatif *yang terang lampunya*, iaitu FN *rumah yang terang lampunya*. Dengan cara ini, ayat 12(a) dapat ditulis semula seperti:

12. (a)(i) [(cuma sebuah rumah saja)_{predikat} (*rumah yang terang lampunya*)_{subjek}]

Jika kata *adalah* benar-benar menjalankan fungsi sebagai penghubung KKj kopula walaupun tanpa konjugasi, kata ini mesti hadir antara FN predikat dengan FN subjek untuk menghubungkan kedua-dua satuan sintaksis ini dalam satu ayat:

12. (a)(ii) (*) Cuma sebuah rumah saja *adalah* (*rumah*) yang terang lampunya.

Ternyata kata *adalah* tidak dapat hadir pada kedudukan ini dalam ayat 12(a)(ii). Hal ini bermakna bahawa kata *adalah* tidak mempunyai fungsi penghubung kopula untuk menghubungkan FN subjek dengan FN predikat. Seandainya ada pengkaji yang mendakwa bahawa “KKj kopula” *adalah* tidak perlu digunakan antara predikat dengan subjek dalam ayat songsang seperti ayat (12a) kerana predikat sudah dikedepangkan sehingga tidak dapat dihubungkan dengan subjek, kesalahfahaman yang demikian itu dapat dibetulkan dengan memperhatikan fungsi KKj kopula yang sebenarnya dalam bahasa Eropah. Misalnya:

13. (a) Ia berumur empat belas tahun pada waktu itu.
(b) *Sie war damals vierzehn Jahre alt.* (ayat dasar)
(c) *Vierzehn Jahre war sie damals alt.* (ayat songsang)

Ayat bahasa Melayu 13(a) dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman dengan dua pola ayat, mengikut keperluan informasi dalam wacana. Dalam kedua-dua ayat dasar 13(b) dan ayat songsang 13(c) FN subjek *sie* (= ia), yang disusun dalam kasus nominatif berkeserasian nahuhan dengan KKj kopula *war* (< *sein*) dalam kala lampau dari segi nahuhan. FN *Vierzehn Jahre* (= empat belas tahun) pula berkasus akusatif terhadap FA *alt* (= tua, berumur) dalam predikat. Dalam kedua-dua ayat ini, KKj kopula *war* (< *sein*) wajib hadir untuk menghubungkan FN subjek dengan FA predikat dalam modus direktif. Maksudnya, KKj kopula ini tidak dapat digugurkan walaupun ayatnya disongsangkan.

Hal yang sama dapat dilihat dalam fungsi KKj kopula *zijn* dalam bahasa Belanda. Misalnya:

14. (a) Aku bukan wajah cantik ini dalam cermin.
(b) *Ik ben niet het mooie gezicht in de spiegel.* (ayat dasar)
(c) *Het mooie gezicht in de spiegel ben ik niet.* (ayat songsang)

Ayat namaan bahasa Melayu 14(a) dapat diterjemahkan dalam bahasa Belanda dengan dua pola ayat. Dalam kedua-dua ayat dasar 14(b) dan ayat songsang 14(c), FN subjek *ik* (= saya) yang disusun dalam kasus nominatif berkeserasian nahuhan dengan KKj kopula *ben* (< *zijn*) dalam kala kini dari segi nahuhan. FN *het mooie gezicht in de spiegel* (= wajah cantik ini dalam cermin) yang berkasus nominatif pula membentuk predikat bersama kata nafi *niet* (= bukan, tidak). Dalam kedua-dua ayat ini, KKj kopula *ben* (< *zijn*) berfungsi untuk menghubungkan FN subjek dengan FN predikat dalam modus direktif. Maksudnya, KKj kopula ini tidak dapat digugurkan walaupun ayatnya disongsangkan.

Hal yang lebih rumit dapat dilihat dalam contoh 15 yang tidak membenarkan kehadiran kata *adalah* dari segi struktur sintaksis.

15. Kadang-kadang sepulangnya di rumah, terbit rasa kasihan dalam hati Tini melihat Kartono lagi membaca, menanti, kalau-kalau ada lagi *patient* datang. (a) *Adakah di dalam hatinya sepi juga seperti dalam hatiku?* Rusuh gelisah kadang-kadang? Terbitlah keinginannya hendak bercumbu-cumbu dengan dia, hendak meriangkan melalaikan hatinya, tetapi selalu tertahan

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

oleh perasaan segan. Terbitlah fikirannya: “(b) *Mengapakah mesti aku yang dahulu menghampirinya?* (c) *Mengapa bukan dia?*” Maka, terasa pula perasaan seperti malam itu, seolah-olah kehilangan tempat pegangan bagi jiwanya. Tono tiada memberikan sandaran lagi. Maka, dicubanya memberanikan, menegakkan jiwanya.

(*Belenggu*, hlm. 57)

15. (a) *Adakah di dalam hatinya sepi juga seperti dalam hatiku?*
(b) *Mengapakah mesti aku yang dahulu menghampirinya?*
(c) *Mengapa bukan dia?*”

Seperti yang dihuraikan dalam ayat 15(a), ayat 15(b) juga dapat disusun semula dengan menambahkan kata anteseden *orang* atau *pihak* terhadap FN formal *yang dahulu menghampirinya* yang berfungsi sebagai FN subjek. Begitu juga, ayat 15(c) dapat dilengkapi dengan FN *orang yang dahulu menghampiriku*.

15. (a)(i) *Mengapakah mesti aku **orang yang dahulu menghampirinya?***
15. (b)(i) *Mengapa bukan dia **orang yang dahulu menghampiriku?**”*

Kedua-dua ayat tersebut dibina dalam bentuk ayat tanya dengan mendahulukan kata adverba tanya *mengapa(-kah)* di awal ayat. Struktur sintaksis dalam ayat songsang ini dapat dihuraikan seperti yang berikut:²⁰

15. (b)(ii) [mengapakah [mesti [aku]_{FN}]_{predikat} [[(orang) yang dahulu menghampirinya]_{FN}]_{subjek}]
15. (c)(ii) [mengapa [bukan [dia]_{FN}]]_{predikat} [[(orang) yang dahulu menghampiriku]_{FN}]_{subjek}]

Jika struktur ayat ini diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, konstruksi ayat terbahagi (*split sentence*) *it is ... that* dapat menerangkan hubungan antara subjek dengan predikat dalam ayat songsang ini secara harfiah:

15. (b)(iii) *Why must **it** be I **that** approach him first.*
15. (c)(iii) *Why is **it** not he **that** approaches me first.*

Dalam ayat bahasa Inggeris, kehadiran subjek formal *it* dan KKj kopula *be* diwajibkan untuk melengkapkan konstruksi ayat terbahagi

dari segi nahanan. Akan tetapi, kata *adalah* tidak dapat digunakan dalam bahasa Melayu. Hal ini bermakna, kata *adalah* tidak berfungsi sebagai KKj kopula.

15. (b)(iv) (*) [mengapakah mesti *adalah* aku] [(orang) yang dahulu menghampirinya]
15. (c)(iv) (*) [mengapa bukan *adalah* dia] [(orang) yang dahulu menghampiriku]

Struktur ayat 15(b)(iv) dan 15(c)(iv) tersebut juga memperlihatkan perbezaan fungsi nahanan antara kata *adalah* dalam bahasa Melayu dengan KKj kopula *be* dalam bahasa Inggeris.

Kata *Adakah* sebagai Penanda Ayat Tanya

Dalam analisis ayat 8(a), 9(b) dan 9(c) telah dilihat fungsi pemastian dalam kata pemberi *ada* dan kata nafi gabungan *tiada*. Kedua-dua bentuk yang digunakan dalam ayat penyata pemastian itu tidak dapat digunakan dalam ayat tanya yang meminta “kepastian”. Oleh sebab itu, jika sesuatu proposisi hendak dipastikan dalam bentuk ayat tanya, kata pemberi tanya *adakah* (< *ada* + *-kah*) dan kata nafi gabungan tanya *tiadakah* (< *tiada* + *-kah*) dapat digunakan secara tidak wajib. Contohnya dapat dilihat dalam ayat 15(a) dan 9(b).

15. (a) *Adakah* di dalam hatinya sepi juga seperti dalam hatiku?
9. (a) Tono *tiadakah* tahu tentang engkau dan aku dahulu?

Kata nafi gabungan tanya *tiadakah* (< *tidak* + *ada* + *-kah*) dapat digantikan dengan bentuk *tidakkah* (< *tidak* + *-kah*) sahaja dalam ayat tanya penafian. Maksudnya, unsur *ada* dihilangkan. Dengan alasan yang sama, bentuk imbuhan tanya *-kah* sahaja dapat hadir bersama kata yang difokuskan dalam ayat tanya. Contohnya dapat dilihat dalam petikan yang berikut:

16. Kalau tiada perasaan yang demikian, *benarkah* kita belum benar-benar kasih akan dia? Aku bingung, yu, *bukankah* kita berhak juga hidup sendiri? *Bukankah* kita ada juga kemahuan kita? *Mestikah* kita matikan kemahuan kita itu? Entah, yu, aku belum dapat berbuat begitu.

(*Belenggu*, hlm. 65)

Sesetengah pengkaji menganggap kata *adalah* bagi ayat penyata dan kata *adakah* bagi ayat tanya itu sebagai KKj kopula atau KKj biasa. Jika demikian, kata *tiadalah* dan *tiadakah* juga dapat dinamakan KKj kopula nafi atau KKj biasa nafi dengan syarat bahawa kata-kata ini tidak membawa makna KKj “tidak wujud”? Penulis makalah ini beranggapan fungsi kata *adakah* berkembang daripada kata pembesar tanya kepada penanda ayat tanya yang digunakan secara tidak wajib dalam ayat tanya.

Alasan yang pertama dapat diperjelas apabila penanda ayat tanya *adakah* dalam bahasa Melayu di Malaysia dibandingkan dengan penanda ayat tanya *apa(-kah)* yang digunakan secara dominan dalam bahasa Indonesia. Penanda ayat tanya *apa(-kah)* dalam bahasa Indonesia yang digunakan secara tidak wajib pada awal ayat tanya itu ialah hasil daripada pengaruh bahasa Jawa *åpå* [əpo]: *Apa(-kah) Pak Hassan (bukan) guru bahasa Indonesia di Bandung?*; *Apa(-kah) harga minyak (tidak) naik lagi?*; *Apa(-kah) mesin kereta api ini (tidak) baik?* dan lain-lain. Bahasa Indonesia lebih menyukai kata *apa(-kah)* daripada kata *adakah* sebagai penanda ayat tanya.

Menurut teori tatabahasa Transformasi Generatif (TG) yang bermodelkan bahasa Inggeris moden, dihipotesiskan bahawa ayat tanya yang dimulakan dengan kata *adakah* mempunyai pasangan ayat penyata yang menggunakan “KKj biasa” atau “KKj kopula” *adalah* dalam ayat dasar. Namun, hipotesis tersebut melihat kegunaan penanda ayat tanya pada sebelah mata sahaja. Misalnya:

17. (a) *Adakah/apakah Nona Fui (bukan) pemain pedang?*
- (b) **Adalah/*apalah Nona Fui (bukan) pemain pedang?*
- (c) ^(?)*Nona Fui adalah/*apalah (bukan) pemain pedang.*
- (d) *Nona Fui (bukan) pemain pedang.*

Dalam transformasi daripada Struktur Dalaman kepada Struktur Luaran dihipotesikan ayat tanya 17(a) *Adakah Nona Fui (bukan) pemain pedang?* diterbitkan secara manipulatif daripada ayat penyata 17(c) ^(?)*Nona Fui adalah (bukan) pemain pedang* dalam kerangka [FN subjek + KKj kopula + FN predikatif]. Ayat tanya 17(b) **Adalah Nona (bukan) Fui pemain pedang?* tidak gramatis. Walau bagaimanapun, selagi kegramatisan ayat 17(c) *Nona Fui *apalah (bukan) pemain pedang* dipersoalkan, bagaimanakah idea transformasi dapat diaplikasikan dalam penerbitan ayat tanya 17(a) *Apakah Nona Fui (bukan) pemain pedang??* Oleh sebab itu, adalah lebih natural jika dikatakan bahawa ayat tanya 17(a) *Adakah/*

apakah Nona Fui (*bukan*) pemain pedang? mengandaikan ayat penyata 17(d) *Nona Fui (*bukan*) pemain pedang* sebagai ayat dasar. Maksudnya, kata *adakah* dan *apakah* berfungsi sebagai penanda ayat tanya sahaja. Jika kata *adakah* berfungsi sebagai KKj umum atau KKj kopula, sukar mencari alasan untuk menggunakan kata nafi *bukan* bagi menafikan ayat predikat namaan kerana kata kerja mesti dinafikan dengan kata nafi *tidak*.

Sebaliknya, jika idea transformasi diketepikan, fungsi penanda ayat tanya *adakah* dan *apa(-kah)* dapat dipadankan dengan penanda ayat tanya *ĉu* dalam bahasa Esperanto yang dicipta oleh Zamenhof secara rekaan bermodelkan tujuh bahasa Eropah pada abad ke-19. Idea bahasa Esperanto ini tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan idea teori TG yang bermodelkan bahasa Inggeris moden. Alasan yang kedua, untuk menanggap kata *adakah* sebagai penanda ayat tanya dapat diuji melalui contoh bahasa Esperanto 18 dan 19:

18. (a) *Vi estas kantistino, Nongo Pojo.* (= You are a lady singer, Nong Poy.)
(b) *Ĉu vi estas kantistino, Nongo Pojo?*
(= Are you a lady singer, Nong Poy?)
19. (a) *Nongo Pojo kantos tre bone.* (= Nong Poy will sing very well)
(b) *Ĉu Nongo Pojo kantos tre bone?* (= Will Nong Poy sing very well?)

Dalam kedua-dua 18(a) dan 18(b), KKj kopula *estas* (< *est-i* = *be*) yang disusun dalam bentuk kala kini (*present tense*) tidak berubah kedudukan sintaksisnya dan berfungsi untuk menghubungkan FN subjek berkasus nominatif *vi* (= *you*) dengan FN predikat berkasus nominatif *kantistino* (= *a lady singer*). Apa yang penting dalam ujian ini ialah penanda ayat tanya *ĉu* yang tidak wujud dalam ayat penyata 18(a) muncul dengan tiba-tiba pada awal ayat tanya 18(b). Begitu juga, penanda ayat tanya *ĉu* muncul dengan tiba-tiba pada awal ayat tanya 19(b) tanpa mengubah bentuk morfologis dan juga kedudukan sintaksis KKj *kantos* (< *kant-i* = *sing*) yang disusun dalam bentuk kala depan (*future tense*). Idea penanda ayat tanya *ĉu* dalam bahasa Esperanto dapat dipadankan dengan idea penanda ayat tanya *adakah* dan *apa(-kah)* dalam ayat bahasa Melayu/Indonesia 17(a) tadi.

Kata *Ialah* dan *Iakah*

Seperti diterangkan dalam ayat 10(a), kata *ialah* mempunyai fungsi kata penghubung adverbaan seperti kata *iaitu* atau *yakni* yang mengantar sesuatu perincian dalam bentuk frasa nama atau klausa, iaitu fungsi pemerincian (*analyticity*). Misalnya:

20. Orang kerap kali lupa, di samping suratkhabar masih ada suratkhabar yang tidak tertulis, (a) *ialah mulut manusia, khabar angin*; masih ada reporter macam lain, di samping reporter suratkhabar, (b) *ialah reporter khabar angin*.

(*Belenggu*, hlm. 129)

(Jerman: *Man vergibt oft, daß es neben der eigentlichen Zeitung noch ein unbeschriebenes Nachrichtenblatt gibt, nämlich die menschliche Zunge, die Gerüchte verbreitet. Und es gibt außer den Zeitungsreportern noch eine andere Sorte: die Gerüchtemacher*)²¹

20. (a) *ialah* mulut manusia, khabar angin
(b) *ialah* reporter khabar angin.

Kata *ialah* (< *ia* + *-lah*) dalam kedua-dua ayat 20(a) dan 20(b) berfungsi sebagai kata penghubung adverbaan dan dapat digantikan dengan kata *iaitu* atau *yakni* kerana unsur *ia* yang berasal daripada kata ganti nama diri ketiga berfungsi untuk memparafrasakan informasi yang telah disebut dalam FN *suratkhabar yang tidak tertulis* [bagi 20(a)] dan FN *reporter macam lain* [bagi 20(b)], dalam bentuk sulih. Kata *ialah* yang demikian diertikan secara tepat dengan kata penghubung adverbaan *nämlich* dalam terjemahan bahasa Jerman. Terdapat penggunaan kata *ialah* yang bertindak seolah-olah sebagai KKj kopula walaupun tidak memperlihatkan konjugasi nahuan dalam ayat menyata.

21. Apa katanya tadi? Tentang perempuan sekarang? Perempuan sekarang hendak sama haknya dengan kaum laki-laki. Apa yang hendak disamakan?
(a) *Hak perempuan ialah mengurus anak suaminya, mengurus rumah tangga*. Perempuan sekarang cuma meminta hak saja pandai.

(*Belenggu*, hlm. 3)

21. (a) Hak perempuan *ialah* mengurus anak suaminya, mengurus rumah tangga.

(a)(i) *Iakah* hak perempuan mengurus anak suaminya, mengurus rumah tangga?

Dalam ayat 21(a), FK *mengurus anak suaminya, mengurus rumah tangga* yang dinominalisasi menjadi FN predikat nampaknya diletakkan dalam hubungan “kesamaan” rujukan dengan FN subjek *hak perempuan*. Oleh yang demikian, kata *ialah* dipadankan sesetengah pengkaji dengan KKj kopula *be* dalam bahasa Inggeris. Namun, kata *ialah* sebenarnya memerincikan informasi FN subjek *hak perempuan* sahaja. Apabila ayat ini ditukar kepada ayat tanya 21(a)(i) dengan meletakkan kata *iakah* pada awal ayat, ayat tanya yang baharu itu bukannya menanyakan hubungan “kesamaan” rujukan antara FN subjek dengan FN predikat tetapi meminta “persetujuan, pengakuan, pengesahan” mengenai isi predikasi ayat, seperti “*Betulkah hak perempuan itu mengurus anak suaminya, mengurus rumah tangga?*” Oleh sebab itu, unsur dasar *ia* dalam kedua-dua kata *ialah* dan *iakah* perlu dibezakan, iaitu kata ganti nama diri *ia* dan kata adverba pengiaaan *ia*. Maksudnya, kata *ialah* tidak dapat dipadankan dengan kata *iakah* dari segi fungsi yang ditanggung dalam ayat.

KESIMPULAN

Dalam makalah ini telah dibincangkan tentang fungsi kata *adalah* dan *ialah* yang dianggap oleh sesetengah pengkaji sebagai KKj umum atau KKj kopula yang sepadan dengan KKj kopula *be* dalam bahasa Inggeris. Apabila kata kerja dalam bahasa Eropah dihuraikan dari segi konjugasi, peranan KKj kopula dalam ayat menjadi nyata dari segi nahanan. Fungsi konjugasi KKj kopula dalam bahasa Eropah tidak dapat dikaitkan dengan kata *adalah* dan *ialah* dalam bahasa Melayu. Jika makna kata *ada* sebagai kata pemberi diperhatikan dengan pasangannya kata nafi gabungan *tiada*, fungsi “pemastian” dalam kata *ada(-lah)* menjadi lebih jelas dalam ayat penyata pemberian. Selanjutnya, fungsi kata *adakah* juga dapat diterangkan sebagai penanda ayat tanya yang sepadan dengan penanda ayat tanya *apa(-kah)* dalam bahasa Indonesia. Kata *ialah* pula masih mengekalkan makna kata penghubung adverbaan “pemerincian” seperti kata *iaitu* dan *yakni*. Akan tetapi, fungsi kata *iakah* perlu dilihat sebagai kata adverba pengiaan.

Sebagai kesimpulan, perlu ditegaskan bahawa kata *adalah* dan *ialah* tidak berfungsi sebagai KKj kopula seperti yang terdapat dalam bahasa

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

Eropah. Kedua-dua kata ini masing-masingnya menanggung fungsi “pemastian” dan fungsi “pemerincian” dalam ayat penyata, iaitu fungsi “pemerian” secara menyeluruh. Oleh hal yang demikian, istilah kata pemeri amat sesuai bagi golongan kata ini. Jika kata *adakah* dan *iakah* hadir dalam ayat tanya, fungsi “pemerian” itu berubah sifatnya.

NOTA

- ¹ Mees (1969:123-29).
- ² KKj kopula bahasa Belanda dapat dipadankan dengan KKj kopula bahasa Inggeris (lihat Jadual 1).
- ³ Terjemahan bahasa Inggeris ditambahkan oleh penulis. Contoh bahasa Melayu yang dipetik daripada karya zaman dahulu dituliskan semula dengan ejaan moden dalam makalah ini.
- ⁴ Kehadiran kata *adalah* dan *ialah* pada kedudukan sintaksis ini dapat dilihat dalam satu kiraan asas yang dibuat berdasarkan 10 halaman pertama dalam teks yang berikut: *Sulalatus Salatin* (*adalah* 0 kali, *ada* 4 kali, *ialah* 2 kali), *Hikayat HangTuah* (*adalah* 1 kali, *ada* 2 kali, *ialah* 0 kali), *Belenggu* (*adalah* 0 kali, *ada* 4 kali, *ialah* 0 kali), dan *Gadis Pantai* (*adalah* 1 kali, *ada* 3 kali, *ialah* 0 kali).
- ⁵ Terjemahan karya *Gadis Pantai* (1990) dipetik daripada *The Girl from the Coast* (1991), *Die Braut des Bendoro* (2001), dan *Meisje van het Strand* (1989).
- ⁶ Terjemahan karya *Belenggu* (1982) dipetik daripada *Shackles* (1988) dan *In Fesseln* (1993).
- ⁷ Pitsamai (1987:176-233) yang menganalisis kata *adalah* dan *ialah* bermodelkan KKj kopula *be* dalam bahasa Inggeris, tidak membincangkan fungsi kedua-dua kata ini dari segi fungsi “pemastian” atau “pemerincian”.
- ⁸ Roorda (1855:1-2).
- ⁹ Diterjemahkan oleh penulis.
- ¹⁰ Diterjemahkan oleh penulis.
- ¹¹ Diterjemahkan oleh penulis. Terjemahan bahasa Inggeris ditambahkan oleh penulis.
- ¹² Diterjemahkan oleh penulis. Terjemahan bahasa Inggeris ditambahkan oleh penulis.
- ¹³ Diterjemahkan oleh penulis. Terjemahan bahasa Inggeris ditambahkan oleh penulis.
- ¹⁴ Diterjemahkan oleh penulis. Terjemahan bahasa Inggeris ditambahkan oleh penulis.
- ¹⁵ Terjemahan karya *Gadis Pantai* (1990) dipetik daripada *The Girl from the Coast* (1991), *Die Braut des Bendoro* (2001), dan *Meisje van het Strand* (1989).
- ¹⁶ Kata *wart* (< *sein*) di sini digunakan sebagai KKj bantu.
- ¹⁷ Kata *waren* (< *sein*) di sini digunakan sebagai KKj bantu.
- ¹⁸ Sato (2009:90-94).
- ¹⁹ Kata *wolltest* (< *wollen*) di sini digunakan sebagai KKj bantu.
- ²⁰ Kata *mesti* seperti yang muncul dalam ayat (14b) sebaiknya diertikan sebagai “kata predikat bantu”, bukan sebagai “KKj bantu”.
- ²¹ Terjemahan karya *Belenggu* (1982) dipetik daripada *In Fesseln* (1993).

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad (peny.), 1986. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad (peny.), 2008. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Armijn Pane, 1982. *Belenggu*. Edisi Malaysia. Cetakan ke-3. Petaling Jaya: Zaman Baru Sdn. Bhd. Karya asalnya terbit di Indonesia pada tahun 1938.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap, 1989. *Struktur Sintaksis Ayat Selapis dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hollander, J.J. de, 1882. *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 5^{de} druk. Breda: Broese & Comp.
- Mashudi B.H. Kader, 1981. *The Syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mees, C.A., 1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Nik Safiah Karim, 1995. *Malay Grammar for Academic and Professionals*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ophijsen, Ch. A. van, 1915. *Maleische Spraakkunst*. 2^{de} druk. Leiden: S.C. van Doesburgh.
- Pramoedya Ananta Toer, 1989. *Meisje van het Strand (Gadis Pantai)*. Vertaald door Angela Rookmmaker. DB Houen: het Wereldvenster.
- Pramoedya Ananta Toer, 1990. *Gadis Pantai*. Edisi Malaysia. Cetakan ke-2. Kuala Lumpur: Wira Karya. Karya asalnya terbit dalam Lentera/BT, Jakarta, 1962-1965.
- Pramoedya Ananta Toer, 1991. *The Girl from the Coast*. Diterjemah oleh Harry Aveling. Singapore: Select Books. 1991.
- Pramoedya Ananta Toer, 2001. *Die Braut des Bendoro (Gadis Pantai)* übersetzt von Diethelm Hofstra. Bad Honnef: Horlemann.
- Pitsamai Intarachat, 1987. *Sintaksis Predikat dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Haji Salleh, 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roorda, Tacco, 1855. *Over de Deelen der Rede en de Rede-Ontleding, of Logische Analyse der Taal, tot Grondslag voor Wetenschappelijke Taalstudie*. 2^{de} uitgaaf. Leeuwarden: G.T.N. Sringar.
- Sato Hirobumi @ Rahmat, “Kemerosotan Kasus Nahuan dalam Bahasa Belanda: Penanda Arkaik dalam Ungkapan van Ganser Harte” dlm. *South East*

KATA PEMERI: SATU TAKRIFAN NAHUAN

- Asia: a Multidisciplinary Journal* (Vol. 9), hlm. 90-106, 2009. Bandar Seri Begawan: FASS, Universiti Brunei Darussalam.
- Shackles*, Armijn Pane, 1988. *Belenggu*. Diterjemahkan oleh John H. McGlynn. Jakarta: The Lontar Foundation.
- Spat, C., 1900. *Maleische Taal, Eerste Stuk: Overzicht der Grammatical*. Breda: Broese & Comp.
- Wijk, D. Gerth van, 1893. *Spraakleer der Maleische Taal*. 2^{de} druk. Batavia: G. Kolff & Co.